

Galak anak muda ceburi industri tani

Salman
Muhammad,
Kedah

Kebelakangan ini kita semakin bimbang dengan isu berkaitan stok makanan tempatan. Banyak laporan akhbar dan analisis berkaitan dikeluarkan media yang ternyata merealisasikan pengguna.

Negara kita asalnya bergantung kepada pendapatan dalam bidang pertanian. Pentingnya kita terhadap bidang pertanian, melahirkan banyak agensi kerajaan yang berkaitan.

Malah, tahap kepentingan terhadap pertanian, melahirkan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang ditubuhkan pada 1931. Bagaimanapun namanya digantikan dengan Universiti Putra Malaysia pada 1997.

Satu daripada sebab pertukaran nama itu tentu sahaja kerana kita bergerak menuju sebagai negara perindustrian. Justeru, perlahan-lahan kita lihat bidang pertanian tertolak ke belakang, malah mula dilihat sebagai industri tidak menarik, kotor, berlumpur dan jarang diperkatakan.

Natijahnya, kita masih membawa masuk barang makanan dari luar negara. Misalnya, walaupun ada sawah dengan Kedah disebut sebagai 'Jelapang Padi' beras masih dibawa masuk dari Thailand.

Tahukah anda keperluan beras negara adalah 2.5 juta tan setahun dan pengeluaran tempatan tidak

mampu menampung jumlah itu. Jadi, negara membawa masuk antara 700,000 hingga 900,000 tan setiap tahun.

Sebelum ini terdapat laporan yang menyebut, import beras bukan keperluan, tetapi pilihan kerana negara mampu memenuhi 70 peratus daripada keperluan itu.

Ini bermakna import dari Thailand hanya memenuhi 30 peratus permintaan. Hal ini memang agak melegakan kerana 30 peratus bukanlah angka yang besar dan jika kementerian berkaitan bersungguh-sungguh mengurangkan import beras, pelbagai usaha boleh dilakukan.

Antaranya membangkitkan kesedaran dalam kalangan anak muda mengenai potensi bidang pertanian. Janganlah semuanya hendak berlonggok di bandar besar, bekerja di bilik berhawa dingin dan menjadi pegawai tadbir.

Ada baiknya sebahagian tinggal di kampung mengerjakan sawah atau ladang yang lebih lumayan pendapatannya. Mungkin pekerjaan sedikit teruk, namun kepuasannya lebih tinggi kerana kita mengawal masa kerja sendiri dan hasilnya lumayan.

Hal ini perlu disedarkan dengan cepat kerana kita sudah lihat banyak sawah dan ladang kini dipajak warga asing misalnya dari Bangladesh dan

etnik Rohingya.

Pembabitan mereka dalam sektor itu malah disadari oleh pihak kementerian berdasarkan laporan akhbar sebelum ini menerusi kenyataan Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Azman Mahmood yang berkata pihaknya setakat ini mengesan lebih 200 'petani import' didapati mengusahakan penanaman padi di negara ini.

Jika sebelum ini kita mendengar mereka terbabat dengan pertanian di Cameron Highlands di Pahang malah turut berniaga di pasar borong, kali ini mereka turut menjadi pesawah.

Adakah kita sebagai warganegara tidak mahu turut serta, sedangkan menyediakan keperluan makanan kepada seisi rakyat negara ini tentu sahaja pahala dan imbuhan yang besar.

Malah ia juga boleh membantu negara dalam mengurangkan kebergantungan import. Sekarang dengan pelbagai cabaran penyakit, bencana alam dan cuaca tidak menentu, sudah ada negara pengeluaran makanan lebih berminat menyimpan stok untuk rakyat mereka sendiri. Setiap kali mereka berbuat demikian kita mula panik. Jadi, tidak mahu ikutan turun menyinggung lengan dan kaki seluar turut terbabat dengan pertanian?